

**WAN ZAIMAH MOHD ZALAM**

**SARJANA SAINS**

**2015**

**PENGETAHUAN TRADISI PERUBATAN WANITA ORANG  
ASLI BATEK DI KELANTAN**

**WAN ZAIMAH MOHD ZALAM**

*WANZAZALAM*

**SARJANA SAINS  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**2015**

**PENGETAHUAN TRADISI PERUBATAN WANITA ORANG ASLI BATEK DI  
KELANTAN**

**WAN ZAIMAH MOHD ZALAM**

**Tesis Ini Dikemukakan Bagi Memenuhi Syarat untuk Memperoleh  
Ijazah Sarjana Sains Di Pusat Pengajian Pembangunan Sosial Dan Ekonomi  
Universiti Malaysia Terengganu**

**Februari 2015**

## **DEDIKASI**

Teristimewa dengan harapan dan kasih sayang buat seluruh ahli keluarga yang tersayang terutamanya mak dan abah (Nek Mah Ibrahim & Mohd Zalam Mohamad), tenaga pengajar/ para pensyarah dan 'Guru' iaitu Dr. Wan Ahmad Amir Zal Wan Ismail serta rakan-rakan seperjuangan.

Abstrak yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains

**PENGETAHUAN TRADISI PERUBATAN WANITA ORANG ASLI BATEK  
DI KELANTAN**

**WAN ZAIMAH MOHD ZALAM**

**Februari 2015**

**Penyelia Utama : Wan Ahmad Amir Zal Wan Ismail, Ph.D**

**Pusat Pengajian : Pembangunan Sosial dan Ekonomi**

Wanita Orang Asli Batek mempunyai keunikan dalam pemilikan pengetahuan tradisi perubatan. Namun, perkara ini masih kurang mendapat perhatian secara terperinci oleh penyelidik lain. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan dalam pemilikan dan keterancaman pengetahuan tradisi perubatan wanita Batek. Lima objektif diteliti dalam kajian ini, iaitu mengenal pasti pengetahuan tradisi perubatan yang dimiliki dan diamalkan wanita Batek, menjelaskan kebergantungan wanita Batek pada pengetahuan tradisi perubatan, mengenal pasti keterancaman pengetahuan tradisi perubatan wanita Batek, menghuraikan kecenderungan tindakan wanita Batek untuk memelihara pengetahuan tradisi perubatan dan menjelaskan kewujudan perhubungan antara pemilikan, pengamalan, kebergantungan, dan keterancaman dengan kawalan kecenderungan tindakan wanita Batek untuk memelihara pengetahuan tradisi perubatan.

Bagi mencapai objektif kajian tersebut, penyelidik telah mengaplikasikan kaedah temu bual berasaskan borang soal selidik ke atas 60 orang wanita Batek dan temu bual mendalam kepada 10 orang informan di Kampung Aring Lima, Pos Lebir, Gua

Musang, Kelantan. Data dianalisis dengan menggunakan perisian komputer SPSS. Data dipamerkan dengan menggunakan min dan ANCOVA. Bagi kaedah temu bual mendalam, data dikoordinasi dengan menggunakan QSR NVivo. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan pemilikan dan pengamalan wanita Batek terhadap pengetahuan tradisi perubatan adalah tinggi. Namun, kebergantungan mereka terhadap pengetahuan tradisi perubatan pula pada tahap sederhana. Manakala kecenderungan tindakan wanita Batek dalam memelihara pengetahuan tradisi perubatan adalah tahap tinggi berdasarkan kepada empat aspek utama, iaitu sosial, ekonomi, pendidikan dan polisi. Kesemua aspek tersebut memberi kesan positif terhadap kesedaran wanita Batek untuk memelihara pengetahuan tradisi perubatan mereka. Keterancaman pengetahuan tradisi perubatan wanita Batek pula pada tahap sederhana yang melibatkan tiga aspek, iaitu kejutan, trend dan perubahan musim. Walaupun keterancaman tersebut pada tahap sederhana, namun ia menjejaskan pemilikan pengetahuan tradisi perubatan wanita Batek dan ini memberi kesan ke atas pewarisan pengetahuan tradisi perubatan kepada generasi yang akan datang.

Manakala, analisis ujian ANCOVA mendapati tindakan sosial, ekonomi, pendidikan dan polisi sebagai variabel kawalan tidak memberi kesan ke atas keterancaman pengetahuan tradisi perubatan wanita Batek. Namun, pemilikan, pengamalan dan kebergantungan mempengaruhi keterancaman pengetahuan tradisi perubatan terutamanya dalam aspek kejutan. Oleh itu, ia memberi kesan kepada generasi akan datang berkenaan pengetahuan tradisi perubatan. Justeru, usaha untuk memelihara pengetahuan tradisi perubatan perlu dilaksanakan segera untuk memastikan Orang Asli Batek terus memiliki pengetahuan tradisi mereka.

Abstract of thesis presented to the Senate of the University Malaysia Terengganu in fulfillment of requirement for the degree of Master of Science

**TRADITIONAL MEDICAL KNOWLEDGE AMONG ABORIGINAL BATEK WOMEN IN KELANTAN**

**WAN ZAIMAH MOHD ZALAM**

**February 2015**

**Main Supervisor : Wan Ahmad Amir Zal Wan Ismail, Ph.D**

**School : Social and Economy Development**

Aboriginal Batek women has an unique tradition in the ownership of medical knowledge. Nevertheless, there is still less attention by other researchers. Therefore, this study is to investigate the ownership and vulnerability of medical traditional knowledge Batek women. There are five objectives in this study- to identify medical traditional knowledge that owned and practiced by Batek women, to explain of dependence Batek women on medical traditional knowledge, to identify the vulnerability of medical traditional knowledge Batek women and to explain the existence of relationship between ownership, practice, dependency and vulnerability with the control tendency of Batek women's action to preserve medical traditional knowledge.

To achieve these objectives, the study applies the method of interview based questionnaire on 60 Batek women and in-depth interview with 10 informant in Kampung Aring Batek Lima, Post Lebir, Gua Musang, Kelantan. Data were analyzed by using SPSS software. Data were also display using the mean and ANCOVA. For in-depth interviews, the data was coordinated by using QSR NVivo. Overall, the findings show that ownership and practicing Batek women to medical

traditional knowledge is high, but their dependence on medical traditional knowledge was at medium level. The tendency of Batek women action in preserving medical traditional knowledge is also high based on four aspects- social, economic, education and policy. All of these aspects give a positive impact on the awareness of Batek women to preserve their medical traditional knowledge. The vulnerability of medical traditional knowledge Batek women is at medium level, which including three aspects, namely shocks, trends and seasonality. Even the vulnerability is at medium level, it is still affecting the ownership Batek women on medical traditional knowledge. Therefore, it will an effect medical traditional knowledge inheritance in future generation.

Based on the analysis by ANCOVA test, the social, economic, education, and policy action as a control variables do not affect the vulnerability of medical traditional knowledge Batek women. However, the ownership, practice and dependence are affected the vulnerability of medicinal traditional knowledge, especially in shocks aspect. Therefore, it will effect on the future generations regarding medical traditional knowledge. Thus, efforts to preserve the medical traditional knowledge should be implemented immediately to ensure Aboriginal Batek continuously their own traditional knowledge.